

# UMS komited pelbagai bidang kerjasama

BH 12.09.2012 13

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited mempelbagaikan bidang kerjasama dengan universiti luar bagi memantapkan hubungan akademik, khususnya menerusi pertukaran kepakaran dan usaha penyelidikan bersama.

Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata inisiatif itu turut dijadikan antara pendekatan membantu kerajaan dalam mengeratkan silaturahim dengan negara lain, khususnya di rantau ini.

Beliau berkata, UMS terbuka mengadakan kerjasama dengan mana-mana universiti luar, terutama yang memiliki bidang pengajian dan penyelidikan sama.

“Dalam penyelidikan sains marin dan akuakultur serta biologi tropika contohnya, UMS sudah lama menjalin hubungan dengan universiti di Jepun dan Jerman bagi mengembangkan lagi bidang berkenaan di universiti ini.

“Kita juga mula melangkah ke negara China bagi menjalin kerjasama yang membabitkan pertukaran kepakaran dalam pelbagai bidang.

“Pada peringkat serantau, kerjasama dengan universiti di Indonesia turut diberi tumpuan,” katanya pada pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UMS dengan dua universiti dari Indonesia di sini, semalam.